

**Nasib Tidak Menyebelahi Seorang Penjual Diesel Haram  
Bernama  
13 November, 2012**

KUCHING, 13 Nov (Bernama) -- Malang bagi seorang pengusaha bengkel apabila kegiatannya menjual diesel secara haram dapat dikesan oleh tiga pihak agensi penguatkuasa.

Ia bermula apabila satu pasukan dari Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) datang memeriksa bengkel berkenaan Selasa setelah menerima aduan bahawa premis tersebut di sebuah rumah kedai di Km15, Jalan Penrissen di sini, menjejaskan kawasan persekitaran.

Bagi mengelak kemungkinan diambil tindakan, pengusaha bengkel yang berumur dalam lingkungan 30-an itu cuba memberi suapan kepada kakitangan NREB, namun enggan diterima oleh mereka.

Sebaliknya kakitangan NREB itu menghubungi pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di sini yang kemudian menghantar pegawai-pegawainya ke bengkel tersebut untuk memeriksa.

Pegawai-pegawai tersebut menjumpai sebuah tangki geluncur dan sebuah trak penuh dengan tong-tong yang berisi diesel.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708985>